

13/01/2003

Belia Melaka sokong penggunaan bahasa Inggeris

Idzham Hadi Sidik

MELAKA: Majlis Gabungan Belia Melaka (MGBM) menjadi pertubuhan bukan kerajaan (NGO) pertama di negara ini menyatakan sokongan terbuka kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa teknologi.

Ini dibuktikan apabila lebih 3,000 pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) dan belia di negeri ini berikrar memberi sokongan kepada kerajaan di Dewan Seri Negeri Ayer Keroh, di sini, kelmarin.

Ikrar yang dilafazkan oleh ahli belia dan pelajar yang hadir dalam perhimpunan itu disaksikan oleh Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Mohd Rustam dan Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Samsudin.

Pengerusi MGBM, Idris Haron yang mengetuai acara melafaz ikrar tanda sokongan itu turut yakin semua pelajar tahun satu yang mula menggunakan bahasa Inggeris dalam dua mata pelajaran itu akan dapat menguasai pembelajaran dengan baik.

Program berkenaan dianjurkan bersama oleh MGBM, kerajaan negeri serta Jabatan Pendidikan negeri yang disusuli dengan pelbagai program termasuk bercerita dalam bahasa Inggeris selain pameran bahan pengajaran bahasa Inggeris.

Idris berterima kasih kepada semua pihak yang terbabit untuk menjayakan program berkenaan hingga mencapai kejayaan menghimpunkan ramai ahli belia dan pelajar.

Katanya, sokongan yang diberikan oleh pelajar dalam program itu terserlah apabila setiap sekolah di negeri ini turut membawa bersama sepanduk sebagai tanda sokongan masing-masing.

"Untuk sokongan ini MGBM menyediakan hadiah khas kepada Sekolah Menengah Teknik Bukit Piatu kerana menyediakan sepanduk kreatif dan menarik," katanya.

Beliau menjelaskan, tidak cukup dengan lafaz ikrar dan perhimpunan, semua pelajar dan ahli belia turut mencatatkan nama pada poskad sokongan untuk diserahkan kepada Dr Mahathir.

"Ini petanda baik dalam usaha kerajaan memperkenalkan penggunaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Sains dan Matematik kerana ia disokong penuh oleh golongan remaja dan pelajar," katanya.